

04/12/2003

Agenda tersembunyi Pas jemput PM ke Kelantan

Zulkifli Md Ali

SEKALI imbas membaca berita kerajaan Pas mahu menjemput secara rasmi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melawat Kelantan berikutan pelantikannya sebagai Perdana Menteri, boleh dilihat sebagai suatu langkah positif sebuah kerajaan negeri yang ditadbir pembangkang dalam melicinkan urusan tanpa mengira ideologi politik.

Cadangan itu seharusnya disambut baik. Bagaimanapun ia perlu difikirkan semasak-masaknya dengan mengambil iktibar bahawa Pas akan mempolitikkan apa juga perkara yang dibangkitkan, lebih-lebih lagi menjelang pilihan raya umum tidak lama lagi.

Hasrat kerajaan negeri itu timbul berikutan cadangan peserta pada majlis dialog pimpinan kerajaan negeri dengan anak Kelantan di perantauan yang diadakan di Kota Bharu sempena Aidilfitri baru-baru ini, supaya kerajaan Pas Kelantan menjemput Perdana Menteri melawat negeri itu.

Rintihan peserta itu sebenarnya mewakili ratusan ribu rakyat Kelantan yang mahukan pembangunan berikutan kegagalan kerajaan negeri membawa pembangunan hingga ramai terpaksa merantau ke negeri lain, termasuk Singapura untuk mencari rezeki.

Malah, Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, melihat jemputan lawatan rasmi itu membuktikan kepemimpinan kerajaan Pas Kelantan tersepit berikutan kegagalannya membangunkan negeri dan menjana sumber ekonomi.

Pandangan Mustapa itu ada kebenarannya kerana Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman sendiri ketika menyuarakan hasrat kerajaan negeri itu menjelaskan bahawa kerajaan negeri akan mengambil kesempatan berbincang dengan Abdullah supaya membantu mencari jalan pembangunan dan menjana ekonomi negeri.

Cadangan Abdul Halim berkenaan sudah disusuli arahan kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) supaya menyiapkan draf perkara bakal disentuh secara bersama itu.

Persoalan yang timbul ialah mengapa baru sekarang kerajaan diterajui pembangkang itu mahu membuat jemputan rasmi terhadap Abdullah? Adakah ini kerana Abdullah baru dilantik sebagai Perdana Menteri, sedangkan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri sedang diuruskan?

Mengapa perlu tunggu sehingga Abdullah menjadi pemimpin negara nombor satu baru jemputan rasmi hendak dilakukan, sedangkan beliau yang pernah menjadi orang nombor dua sebelum mengambil alih tanggungjawab daripada Tun Dr Mahathir Mohamad sentiasa mengamalkan sikap keterbukaan, sedia mendengar apa juga masalah?

Sebagai Timbalan Perdana Menteri, Abdullah juga mempunyai tanggungjawab membantu Dr Mahathir menyelesaikan pelbagai masalah, termasuk menguruskan pembangunan negeri yang diperintah pembangkang.

Apakah jemputan rasmi itu mahu dijadikan bahan kempen pada pilihan raya umum akan datang hingga menjadikan Pas Kelantan sebagai hero jika jemputan dipenuhi, setaraf Umno Kelantan yang kerap menjemput Perdana Menteri untuk bertemu rakyat menerusi pelbagai acara seperti perhimpunan rakyat, ucapan perasmian dan pelbagai lagi?

Pemerhati politik berpendapat Pas mahu menunjukkan kehebatan kononnya tanpa Umno, pentadbiran Pas Kelantan boleh mengambil peluang berbincang secara khusus dengan Perdana Menteri soal pembangunan yang perlu dibawa ke negeri itu.

Memang tidak dinafikan, jawatan Pemangku Presiden Umno dan Perdana

Menteri itu dua jawatan yang berbeza iaitu satu jawatan khusus untuk mengurus hal ehwal politik dan satu lagi sebagai pentadbir negara.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Nik Aziz Nik Mat sendiri pernah berkata Perdana Menteri juga adalah Perdana Menteri parti pembangkang kerana bertanggungjawab terhadap negara secara keseluruhan, walaupun ada negeri diperintah parti berlainan ideologi.

Satu lagi persoalan yang timbul ialah mengapa baru sekarang seorang Perdana Menteri hendak dijemput khusus bagi menyatakan permasalahan pentadbiran kerajaan negeri sedangkan dalam banyak forum atau persidangan turut boleh digunakan bagi tujuan sama seperti Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri serta Mesyuarat Raja-Raja Melayu.

Adakah ruang seperti itu tidak mencukupi hingga suatu pertemuan khas perlu diadakan atau sekadar menghantar wakil atau jika hadir sekali pun, perhatian bagi menyatakan masalah tidak diberikan.

Pemerhati politik berpendapat niat kerajaan Pas Kelantan menjemput Perdana Menteri melawat Kelantan itu sebagai suatu jemputan yang tidak ikhlas seperti 'ada undang di sebalik batu'.

Bagi mereka, memenuhi jemputan lawatan oleh kerajaan Pas Kelantan itu ada pro dan kontranya. Cuma ia harus diteliti sebaik mungkin sebelum membuat keputusan. Mereka yakin, Perdana Menteri mempunyai cara tersendiri menyelesaikan kebuntuan kebanyakan ahli politik Kelantan, khususnya ahli Umno.

Dengan mengambil contoh tindakan dan arahan yang dilaksanakan Abdullah sejak menerajui kepemimpinan negara 31 Oktober 2003, mereka juga percaya Abdullah mempunyai cara tersendiri yang pastinya disenangi semua pihak, sama ada ahli Umno dan pembangkang.

Apa pun, yang pasti usaha itu tentu dapat membantu Umno Kelantan merampas semula pentadbiran daripada Pas kerana inilah idaman sebenar seluruh ahli Umno di Kelantan khususnya dan Umno pada peringkat Pusat amnya.